

15/06/2000

Muslihat di sebalik tempahan merosot

KUALA LUMPUR, Rabu - Wakil pengedar kereta dipercayai mempunyai muslihat di sebalik dakwaannya bahawa tempahan bagi kereta baru, turun secara mendadak.

Keputusan Bank Negara Malaysia (BNM) menghapuskan bayaran komisen satu peratus yang dibayar syarikat kewangan kepada wakil pengedar kereta berkuat kuasa 1 Jun lalu, turut ditolak sebagai antara puncanya.

"Kami mengesyaki dakwaan penurunan dalam tempahan itu disebabkan oleh faktor lain," kata Persekutuan Kesatuan Pekerja Bank dan Institusi Kewangan dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Penolong Setiausaha Agungnya, Andrew Lo, berkata sebarang cubaan oleh mana-mana pihak untuk meminta BNM mengkaji semula keputusan itu harus ditolak kerana ia hanya membabitkan kepentingan peribadi.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terserah kepada Bank Negara untuk menangani isu berkenaan.

"Menurut pengguna, ia tidak adil (tetapi) pengedar kereta pula kata ia tidak adil (kepada mereka). Dalam semua hal, ia bergantung dari sudut mana anda lihat (isu itu)," katanya selepas melancarkan kereta nasional model terbaru Kenari.

Ditanya bagaimana Bank Negara akan menangani isu itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Bank Negara membuat keputusan dan saya rasa mereka tahu apa yang dilakukan."

(END)